

*Catatan Perjalanan Umat Islam  
Pertama Dunia Bermotosikal ke Mekah -*  
**KING RIDER DATO' ZAMRI MOHAMED**

# KEMBARA UMRAH


**NORAINI NORDIN**  
**NORIMANAH SEMAN**



TDM Foc

Kepada Yhsah Tun Dr. Mahatlin

Salam sejahtera  
yang berkekalan




14  
1

# KEMBARA UMRAH

PUSTAKA PERDANA



1013555



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA





*Titah Aluan*

**KDYMM Sultan Pahang Sempena Penerbitan  
Buku Kembara Umrah - Catatan Perjalanan  
Umat Islam Pertama Dunia Bermotosikal Dari  
Malaysia ke Mekah**

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH

Saya ingin mengucapkan tahniah atas penerbitan buku ini yang menceritakan detik-detik perjalanan dan pengalaman yang dilalui oleh seorang umat Islam pertama dunia yang berjaya menjejakkan kaki ke bumi suci Mekah dengan menaiki motosikal berkuasa tinggi.

Lebih membanggakan saya ialah kerana umat Islam itu iaitu Dato' Zamri Mohamed adalah anak kelahiran Temerloh, Pahang Darul Makmur. Pencapaian beliau ini sedikit sebanyak sudah pasti menjadikan nama negeri Pahang Darul Makmur dan menjadi sebutan di mana-mana.

Dengan terbitnya buku ini, saya berharap mereka yang membacanya akan mendapat suntikan semangat untuk melakukan apa saja kejayaan yang boleh menaikkan nama agama, bangsa dan negara yang kita cintai ini.

Hanya dengan kejayaan demi kejayaan seperti inilah yang mampu menjadikan kita lebih dipandang tinggi serta dihormati oleh pihak-pihak lain di dunia ini.

Sehubungan itu, saya mengharapkan buku ini akan dibaca oleh seramai mungkin, bukan saja oleh penduduk Negeri Pahang Darul Makmur tetapi juga oleh rakyat Malaysia seluruhnya supaya manfaat daripadanya tersebar dengan lebih meluas lagi.

Sekian

**Kebawah Duli Yang Mulia Sultan Pahang  
Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni  
Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin  
Al-Mu'adzam Shah**

*Seulas Pinang*  
**Ybhg Tan Sri Sabbaruddin Chik**  
Penaung Penerbitan Buku Kembara Umrah

Assalamulaikum wbt

Sebagai anak kelahiran Temerloh, Pahang, saya amat berbangga dengan pencapaian Dato' Zamri Mohamed bersama beberapa rakan-nya yang berjaya muncul sebagai umat Islam pertama dunia menjejakkan kaki ke bumi suci Mekah dengan menaiki motorsikal berkuasa tinggi.



Perjalanan yang memakan masa hampir dua bulan melalui puluhan negara itu tentunya bukan mudah kerana banyak cabaran dari segi perubahan cuaca, keadaan jalanraya, ancaman manusia dan pelbagai masalah lainnya terpaksa dihadapi.

Kejayaan beliau menamatkan pengembaraan itu dengan jayanya bukan saja membanggakan mereka lahir atau berada bandar di bandar Temerloh, penduduk negeri Pahang dan rakyat Malaysia seluruhnya tetapi kejayaan ini seharusnya juga dikongsi kebanggaannya oleh umat Islam seluruh dunia.

Namun sekadar berbangga tetapi tidak mengambil iktibar daripada kejayaan beliau agak kurang bermakna juga. Sebab itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah atas penghasilan buku yang mencatatkan pengalaman perjalanan Dato' Zamri itu.


Diharapkan dengan adanya buku ini, pengalaman Dato' Zamri ini dapat dikongsi dengan lebih ramai manusia lagi. Ambillah iktibar dari kekuatan semangatnya yang sanggup mengharungi pelbagai cabaran untuk membuktikan keupayaan diri serta mengharumkan nama negara ini supaya lebih ramai yang berani tampil dengan rekod-rekod yang lain.

Buku ini mampu memberi kekuatan kepada rakyat yang selalu ragu-ragu dengan kebolehan diri bahawa selagi kita ada semangat dan keyakinan yang disertai dengan usaha, tiada yang mustahil untuk dicapai sebenarnya.

Selepas berjaya menunggang motorsikal sehingga menjejakkan kaki ke Mekah, Dato' Zamri kemudiannya juga berjaya mengelilingi dunia dengan motorsikalnya bersama tiga rakannya baru-baru ini. Perjalanan itu mengambil masa selama 103 hari dan kini saya difahamkan beliau sedang menyiapkan diri untuk mengelilingi dunia, juga dengan motorsikal tetapi secara solo pula.

Saya sentiasa mendoakan beliau terus berjaya dengan catatan-catatan rekod yang ingin dicapainya, sambil mengharapkan lebih ramai rakyat negara ini yang mendapat suntikan semangat dan rangsangan untuk berjaya selepas membaca buku ini.

Sekian, terima kasih.



**Tan Sri Sabbaruddin Chik**



*Sekapur Sireh*  
**YB Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi**  
Menteri Dalam Negeri

Assalamualaikum W.B.T

Saya ingin mengucapkan tahniah terhadap usaha menerbitkan buku yang memaparkan pengalaman sekumpulan umat Islam bermotosikal dari Malaysia ke Mekah.

Kisah pengembaraan mereka yang mengharungi perjalanan kira-kira 18 ribu kilometer dengan merentasi 12 negara untuk menunaikan umrah memang menarik untuk dibaca.



Sebagai seorang peminat motosikal berkuasa tinggi, perubahan cuaca, jalanraya yang berbeza, kemungkinan terlibat dalam kemalangan motosikal, ancaman jenayah dalam perjalanan dan ketahanan tubuh badan adalah antara dugaan yang bukan kepalang orang mampu mengharunginya.

Tidak seperti menunggang motosikal untuk bersiar-siar atau merehatkan minda di hujung minggu, perjalanan ke Mekah ini juga perlu berkejar dengan masa, selain keluarga di tanahair yang ditinggalkan turut boleh mengganggu ketenteraman jiwa.

Saya juga sangat berbangga dengan semangat mereka ini yang secara langsung mampu merangsang lagi semangat "Malaysia Boleh" di kalangan rakyat dan berharap lebih ramai lagi, terutamanya generasi muda untuk tampil menunjukkan kebolehan, keberanian serta kegigihan dalam pelbagai bidang.

Sehubungan itu, adalah diharapkan buku ini dapat disebarkan sebanyak mungkin ke seluruh negara agar manfaat dan kebaikannya lebih merata. Sekian, terima kasih.

**YB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI**  
Pengerusi Eksekutif Superbike Association Malaysia (SAM)



*Sekapur Sireh*  
**YB Dato' Ahmad bin Maslan**  
Timbalan Menteri Kewangan Malaysia

Assalamualaikum W.B.T

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih dan tahniah di atas penerbitan buku "KEMBARA UM-RAH" bagi mencatatkan perjalanan bermotosikal Ybhg Dato' Zamri bin Mohamed ke Tanah Suci Mekah. Sesungguhnya ia amat bermakna sebagai perangsang semangat kepada seluruh rakyat Malaysia yang gemar mengembara dan menjelajah ke seluruh dunia.



Pengembaraan dan penjelajahan ke merata tempat di dunia ini bukan sahaja akan dapat mendedahkan kepada pengalaman dan penemuan baru tetapi yang lebih penting menjadi lambang kegigihan, ketabahan dan kesungguhan bangsa sesebuah negara.

Saya mengharapkan agar lebih ramai rakyat di negara ini yang mendapat inspirasi serta rangsangan untuk melakukan aktiviti yang mencabar demi memantapkan jati diri, kekuatan jasmani dan mental seterusnya mencipta rekod yang boleh menjadi kebanggaan negara kita.

Tahniah dan syabas di atas usaha yang murni ini.

Sekian.

**YB DATUK HJ. AHMAD BIN HJ. MASLAN**  
Timbalan Menteri Kewangan 1  
Kementerian Kewangan Malaysia



*Sekalung Budi*  
**Kata Pengantar Penerbit**  
A & D Network

Salam Sejahtera,

Buku Kembara Umrah adalah sebahagian daripada imbasan kenangan King Rider Dato' Zamri Mohamed yang telah berpengalaman bermotosikal menjelajah dunia. Ilmu dan liku-liku pengalaman dunia kembara beliau sangat bernilai untuk dikongsi bersama masyarakat.



Walaupun mengembara di era zaman serba canggih yang membolehkan catatan pengalaman boleh disalurkan melalui medium blog, facebook, twitter atau sebagainya tetapi kami yakin menggarap catatan itu dalam bentuk buku masih tetap ada nilainya.

Kami percaya buku koleksi ilmu yang didokumentasikan daripada kisah realiti seorang pengembara pasti ada ruang istimewa kepada pembaca khususnya yang berjiwa musafir seperti beliau. Walaupun ada tanggapan 'masyarakat Malaysia malas membaca buku' tetapi kami tetap yakin buku ini masih relevan walaupun pesaingnya adalah alat gajet yang serba canggih dan menjadi kegiatan ramai.

Justeru sebaik melihat catatan daripada dairi harian serta koleksi foto-foto peribadi Dato' Zamri Mohamed sewaktu bermotosikal ke Mekah adalah 'rugi jika tidak dibukukan' untuk dikongsi bersama.

Akhir kalam, setinggi penghargaan diucapkan kepada mereka yang memberi sokongan sehingga terhasilnya buku ini.

Sekian Terima Kasih

  
**NORAINI NORDIN**

# Kembara Umrah Bermotorsikal

Cetakan Pertama November 2014  
Hakcipta Terpelihara

ISBN: 978-967-129-1405

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dengan apa cara bentuk sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau sebagainya tanpa mendapat izin bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Penerbit

**A & D Network**

No 4, Jalan 2/18, Dataran Templer  
Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves, Selangor.  
019-6620234

Email: kembaraumrahmotosikal@gmail.com

Pencetak

**Percetakan SM Sdn Bhd**

Taman Bukit Puchong  
Puchong, Selangor.

Rekabentuk Kulit & Layout

**Warisan Global**

Tel: 012-6519875

Harga: RM39.00

Sabah/Sarawak: RM50.00



# 21 Discover Us

## HOTELS SERI MALAYSIA NATIONWIDE



100 ROOMS

**Hotel Seri Malaysia Sungai Petani**  
Tel.: +604 423 4060 Fax: +604 423 4106  
rsvn.spe@serimalaysia.com.my



71 ROOMS

**Hotel Seri Malaysia Kulim**  
Tel.: +604 490 9898 Fax: +604 490 0510  
rsvn.klm@serimalaysia.com.my



150 ROOMS

**Hotel Seri Malaysia Kangar**  
Tel.: +604 977 1777 Fax: +604 977 2777  
rsvn.kgr@serimalaysia.com.my



100 ROOMS

**Hotel Seri Malaysia Kepala Batas**  
Tel.: +604 575 6700 Fax: +604 575 0630  
info@hsmkbt.serimalaysia.com.my



150 ROOMS

**Hotel Seri Malaysia Pulau Pinang**  
Tel.: +604 642 9452 Fax: +604 642 9461  
info@hsmpenang.serimalaysia.com.my



100 ROOMS

**Hotel Seri Malaysia Ipoh**  
Tel.: +605 241 2936 Fax: +605 241 2946  
rsvn.iph@serimalaysia.com.my



50 ROOMS

**Hotel Seri Malaysia Taiping**  
Tel.: +605 806 9502 Fax: +605 806 9495  
rsvn.tpg@serimalaysia.com.my



124 ROOMS

**Hotel Seri Malaysia Genting Highlands**  
Tel.: +603 6100 2525 Fax: +603 6100 1125  
rsvn.gen@serimalaysia.com.my



100 ROOMS

**Hotel Seri Malaysia Alor Setar**  
Tel.: +604 7308737 Fax: +604 730 7594  
rsvn.asr@serimalaysia.com.my



100 ROOMS

**Hotel Seri Malaysia Bagan Lalang**  
Tel.: +603 3141 2918 Fax: +603 3141 2917  
rsvn.bel@serimalaysia.com.my

100 ROOMS



**Hotel Seri Malaysia Port Dickson**

Tel : +606 647 6070 Fax : +606 647 6028  
rsvn.pdi@serimalaysia.com.my

50 ROOMS



**Hotel Seri Malaysia Marang**

Tel : +609 618 2889 Fax : +609 618 1285  
info@hsmmarang.serimalaysia.com.my

50 ROOMS



**Hotel Seri Malaysia Seremban**

Tel : +606 764 4181 Fax : +606 764 4179  
rsvn.sbn@serimalaysia.com.my

100 ROOMS



**Hotel Seri Malaysia Kuantan**

Tel : +609 513 6666 Fax : +609 514 7788  
rsvn.kua@serimalaysia.com.my

100 ROOMS



**Hotel Seri Malaysia Melaka**

Tel : +606 232 8460 Fax : +606 232 8470  
rsvn.mkz@serimalaysia.com.my

50 ROOMS



**Hotel Seri Malaysia Temerloh**

Tel : +609 296 5776 Fax : +609 296 5711  
rsvn.tml@serimalaysia.com.my

50 ROOMS



**Hotel Seri Malaysia Rompin**

Tel : +609 413 2723 Fax : +609 413 2732  
info@hsmrompin.serimalaysia.com.my

100 ROOMS



**Hotel Seri Malaysia Mersing**

Tel : +607 799 1876 Fax : +607 799 1886  
rsvn.mep@serimalaysia.com.my

150 ROOMS



**Hotel Seri Malaysia Kuala Terengganu**

Tel : +609 623 6454 Fax : +609 623 8344  
info@hsmkt.serimalaysia.com.my

200 ROOMS



**Hotel Seri Malaysia Johor Bahru**

Tel : +607 221 1002 Fax : +607 221 1004  
rsvn.jhb@serimalaysia.com.my

104 ROOMS



**Hotel Seri Malaysia Lawas**

Tel : +6085 283 200 Fax : +6085 283 233  
info@hsmlawas.serimalaysia.com.my

**RANGKAIAN HOTEL SERI MALAYSIA SDN. BHD.** (293906-W)


Suite A-32-7, Menara UOA Bangsar, No. 5, Jalan Bangsar Utama 1,  
59000 Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, Malaysia.

**Central Reservation No : 03-2299 7800**

**Website: www.serimalaysia.com.my Email: central@serimalaysia.com.my**



© 2013 Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. All rights reserved.



# Kandungan

## PROLOG:

PERKUBURAN MA'LA MENGUNDANG RINDU...

<b>BAB 1 - KAD JEMPUTAN ALLAH</b>	<b>1</b>
<b>BAB 2 - TEMERLOH YANG KUTINGGALKAN</b>	<b>11</b>
<b>BAB 3 - LAMBAIAN AKHIR 'GENG MOTOR'</b>	<b>21</b>
<b>BAB 4 - HARI BARU CABARAN BARU</b>	<b>27</b>
<b>BAB 5 - CHIANG RAI YANG HANGAT</b>	<b>33</b>
<b>BAB 6 - MUSIM DURIAN DI MAE SAI</b>	<b>38</b>
<b>BAB 7 - SUNGAI MEKONG MENGALIR LESU</b>	<b>43</b>
<b>BAB 8 - BERMULA PERJALANAN DI CHINA</b>	<b>48</b>
<b>BAB 9 - NAIK PESAWAT KE CHENGDU?</b>	<b>52</b>
<b>BAB 10 - DI SINIKAH ASALKU?</b>	<b>59</b>
<b>BAB 11 - PANZHIHUA CANTIK BAGAI LUKISAN</b>	<b>66</b>

<b>BAB 12</b> - IBARAT LIMA JARI	<b>71</b>
<b>BAB 13</b> - BERTEDUH DI PEKAN PING WU	<b>76</b>
<b>BAB 14</b> - BERTARUNG MAUT DALAM KESEJUKAN	<b>80</b>
<b>BAB 15</b> - RAGAM ORANG TIBET	<b>87</b>
<b>BAB 16</b> - 'KOTA BHARU' DI XINING	<b>92</b>
<b>BAB 17</b> - BERPANTANG MAUT SEBELUM AJAL	<b>97</b>
<b>BAB 18</b> - MALANG LAGI	<b>102</b>
<b>BAB 19</b> - CABARAN DI GURUN GHOBI	<b>107</b>
<b>BAB 20</b> - BELANJA PENGHUNI GURUN	<b>112</b>
<b>BAB 21</b> - RAHSIA LALUAN SUTERA	<b>118</b>
<b>BAB 22</b> - MUSAFIR YANG DITINGGALKAN	<b>123</b>
<b>BAB 23</b> - CHINA NEGARA SERIBU WARNA	<b>128</b>
<b>BAB 24</b> - TENTERA YANG BUDIMAN	<b>133</b>
<b>BAB 25</b> - KALIMAH ALLAH DI PERGUNUNGAN SALJI	<b>142</b>
<b>BAB 26</b> - SEGALANYA INDAH DI NARYN	<b>149</b>
<b>BAB 27</b> - PERJALANAN AKHIR DI KYRGZSTAN	<b>155</b>
<b>BAB 28</b> - NASI LEMAK DUTA PENAWAR RINDU	<b>160</b>
<b>BAB 29</b> - BEREHAT DI TASHKENT	<b>166</b>
<b>BAB 30</b> - SAMBUTAN HANGAT DI SAMARKAND	<b>172</b>
<b>BAB 31</b> - ANGIN PANAS BUKHARA	<b>178</b>
<b>BAB 32</b> - BERMALAM DI MARY	<b>183</b>
<b>BAB 33</b> - ASHGABAT SEINDAH PUTRAJAYA	<b>188</b>
<b>BAB 34</b> - LAPAN JAM DI SEMPADAN	<b>193</b>

<b>BAB 35 - ABBAS YANG BERHATI MULIA</b>	<b>198</b>
<b>BAB 36 - NYAWA DI HUJUNG PISTOL</b>	<b>204</b>
<b>BAB 37 - TRAUMA JADI TAHANAN BASIJ</b>	<b>214</b>
<b>BAB 38 - BERTEMU MANGSA PERANG IRAN - IRAQ</b>	<b>218</b>
<b>BAB 39 - VAN...THE PEARL OF THE EAST</b>	<b>223</b>
<b>BAB 40 - 'IKAN SUCI' KOTA URFA</b>	<b>229</b>
<b>BAB 41 - MELAWAT MAKAM NABI AYUB</b>	<b>235</b>
<b>BAB 42 - MEKAH SEMAKIN HAMPIR</b>	<b>242</b>
<b>BAB 43 - MENGHITUNG HARI DI KOTA DAMSYIK</b>	<b>247</b>
<b>BAB 44 - SAMBUTAN MEDIA JORDAN</b>	<b>252</b>
<b>BAB 45 - TERAPUNG DI LAUT MATI</b>	<b>258</b>
<b>BAB 46 - DEBARAN AL-AQSA MIMPI &amp; REALITI</b>	<b>263</b>
<b>BAB 47 - GURUN GERSANG DAN RIBUT PASIR</b>	<b>269</b>
<b>BAB 48 - SELAMAT TINGGAL JORDAN</b>	<b>273</b>
<b>BAB 49 - MENGHITUNG HARI</b>	<b>277</b>
<b>BAB 50 - HARI-HARI TERAKHIR SEORANG MUSAFIR</b>	<b>282</b>
<b>BAB 51 - BUMI MADINAH MENJADI SAKSI</b>	<b>286</b>
<b>BAB 52 - SELAMAT TINGGAL MADINAH</b>	<b>290</b>
<b>BAB 53 - MEKAH, AKU DALAM DAKAPANMU</b>	<b>297</b>
<b>BAB 54 - MAKAN HATI UNTA</b>	<b>301</b>
<b>BAB 55 - MEKAH: MIMPI JADI REALITI</b>	<b>308</b>
<b>BAB 56 - SELAMAT TINGGAL KOTA SUCI</b>	<b>311</b>
<b>BAB 57 - CATATAN AKHIR SEORANG PENGEMBARA</b>	<b>317</b>

## PROLOG

# PERKUBURAN MA'LA MENGUNDANG RINDU...

**ALLAH HU AKHBAR... ALLAH HU AKHBAR..** Zamri menadah tangan mengucap syukur ke hadrat Ilahi. Gembiranya hati hanya Allah sahaja yang Maha Mengetahui. Akhirnya kerinduan terhadap ayah yang terpendam jauh di lubuk jiwa Zamri selama lebih 32 tahun kini lenyap.

Bagai kabus pagi yang hilang sebaik suria menjelma. Banjir rindu Zamri yang dahulu bertakung kini sudah mula mengering.

Perkuburan Ma'la yang terletak di sebelah Timur Masjidil Haram di Kota Mekah sudah terbentang depan mata.

Di sinilah jenazah ayah Zamri iaitu Haji Mohamed Haji Mat Amin disemadikan bersama umat Islam yang meninggal dunia semasa menunaikan umrah atau haji.

Ayah yang dikasihi itu meninggal dunia pada usia 62 tahun sewaktu menunaikan Rukun Islam ke-5 pada 1978. Betapa istimewa arwah kerana dapat bertemu Penciptanya di bumi suci ini. Lebih istimewa lagi ayah Zamri disemadikan di perkuburan yang sama dengan insan-insan kesayangan Rasulullah s.a.w.



Di tanah suci inilah juga isteri kesayangan Rasulullah s.a.w. iaitu Saidatina Khadijah Khuwailid dimakamkan. Selain daripada pusara Saidatina Khadijah terdapat juga kubur putera baginda iaitu Qasim dan Abdullah yang meninggal semasa kecil. Begitu juga kaum keluarga serta sanak saudara Nabi Muhammad s.a.w. yang meninggal dunia turut dikebumikan di sini termasuk datuk baginda yang bernama Abdul Mutatalib dan bapa saudaranya Abu Talib.

Oleh kerana ramainya kaum kerabat baginda disemadikan di sini sehingga Ma'la dikenali juga sebagai makam keluarga besar Bani Hashim iaitu nenek moyang Nabi Muhammad s.a.w.

Sejarah juga mencatatkan Ketua Kaum Quraisy, Qushay bin Kilab adalah manusia pertama yang disemadikan di kawasan Ma'la yang terletak kira-kira satu kilometer dari Masjidil Haram.

## **MANAKAH PUSARA AYAHKU..**

Zamri meraup wajahnya berkali-kali sambil menahan sebak di dada. Perasaan pilu, gundah serta sedih bercampur baur. Hatinya tertanya-tanya. Bagaimanakah dapat beliau mencari pusara ayah tercinta di kawasan yang begitu luas saujana mata memandangi. Sudah berjuta-juta umat Islam yang meninggal dunia disemadikan di situ.

Sebelum kedatangan Islam pula, kawasan perkuburan Ma'la yang berusia lebih 1700 tahun juga pernah dikatakan menjadi kawasan perkuburan kaum Quraisy yang tinggal di sekitar Kota Mekah.

Hanya batu-batu bersaiz 12 cm yang dapat dilihatnya. Batu-batu itu diletakkan atas kuburan sebagai tanda. Terdapat lubang-lubang kubur telah sedia menanti jasad yang bakal dikebumikan.

Rasa sayu terus bergayut di jiwa Zamri. Matanya terus menenung Ma'la. Satu-satunya perkuburan yang menghadap Kaabah yang juga dikenali sebagai Jannatul Ma'la. Walaupun perkuburan ini dahulunya berasal dari lembah tetapi kini sudah terkenal di seluruh dunia.

Dalam termangu-termangu perlahan-lahan jiwanya tenang kembali. Teringat semula dirinya adalah hamba Allah yang masih berkelana.

Kembara Zamri kali ini bukan kembara sebarangan. Ada misi suci yang mahu dilaksanakan. Sudah bertahun Zamri memasang impian untuk menunaikan umrah. Kalau umat Islam lain di Malaysia ataupun mana-mana negara menaiki kapal terbang atau kapal laut untuk menunaikan umrah, Zamri lain pula impiannya.

Dalam diam-diam Zamri berniat untuk ke Kota Mekah dengan menunggang motosikal. Satu impian luar biasa yang hanya mampu dilakukan oleh insan yang dianugerahkan oleh Allah kekuatan mental dan fizikal.

Apa perlunya Zamri bermotosikal ke Mekah sedangkan untuk menunaikan umrah beliau boleh sahaja menaiki kapal terbang dari Kuala Lumpur (Malaysia) terus ke Jeddah, Arab Saudi.

Tempoh perjalanan di udara tidak memerlukan waktu yang lama. Antara lapan atau sembilan jam sahaja. Manakala

kelaziman umat Islam di Malaysia mereka menunaikan umrah untuk tempoh 10 hari atau 14 hari sahaja.

Namun bagi Zamri pula ini bukan soal tempoh masa atau sebagainya. Anak jati Temerloh (Pahang) ini sudah tekad untuk memilih kelananya sendiri. Dalam usia yang masih bersisa Zamri mahu mencari keredaan Ilahi dengan cara tersendiri.

## MUSAFIR SEORANG PERINDU

Perjalanannya kali ini ibarat kembara seorang anak yang tersangat rindukan pada ayahnya. Sambil bermotosikal beliau mahu mengutip kenangan serta jejak-jejak kasih ayahnya melalui jalan darat.

Kembara Zamri juga adalah kembara tanda cintakan kepada Allah. Beliau sanggup bermusafir demi mengukuhkan lagi talian kasihnya pada Ilahi. Banyak pengalaman yang mahu dihimpunkannya sepanjang perjalanan. Hanya Allah yang Maha Mengetahui apa yang terbuku dalam jiwa beliau. Ibarat musafir seorang perindu. Apa pun cabaran perlu dihadapi.

Zamri sendiri tidak menyangka mampu bermusafir selama 54 hari untuk tiba ke tanah Arab. Merentasi 12 buah negara dengan motosikalnya. Mengharungi Laluan Sutera dan Golden Triangle yang bergelora. Sambil menunggang motosikal Zamri tidak berhenti berdoa dan berzikir.

*“Ya Allah.. Ya Tuhanku. Allah yang Maha Besar lagi Maha Agung...terimalah aku disisiMu. Dekatkan aku denganMu, jika Kau ambil nyawaku, biarlah matiku dalam iman”*

Sambil menadah tangan berdoa Zamri terbayang wajah ayah ketika kali terakhir meninggalkannya dan adik-be-radik yang lain .

Masih jelas di ruang mata lambaian terakhir daripada ayah. Seolah-olah itulah tanda ucapan selamat tinggal walaupun tidak terucap dengan kata-kata. Ayah dan ibu Zamri yang bernama Hindun Ngah yang ketika itu berusia 53 tahun adalah antara jemaah Malaysia pertama yang menunaikan haji menaiki kapal terbang.

Sebelum itu jemaah haji dari Malaysia yang berhasrat menunaikan haji ke Mekah menggunakan kapal laut yang berlabuh di Pelabuhan Klang, Selangor. Kali terakhir pelayaran kapal laut membawa jemaah haji dari Malaysia ialah pada tahun 1977.

Pelayaran yang turut menempuh gelombang Lautan Hindi ini akan tiba di tanah Arab Saudi tidak kurang daripada 40 hari.

Pemergian ayah ke Tanah Suci bersama bonda tercinta diiringi dengan doa semoga semuanya selamat kembali.

Zamri teringat kembali betapa arwah ayahnya adalah orang yang paling gembira apabila dapat menunaikan haji bersama ibunya.

Saat itulah yang ditunggu-tunggu oleh arwah ayahnya selama ini. Syukur hajatnya tercapai. Sebelum berangkat arwah ayah sempat menghulurkan RM50.00 (Lima puluh ringgit Malaysia) kepada Zamri.

“Gunakan duit ini untuk belanja, belilah apa kamu mahu,”

ayah meninggalkan pesan. Sebelum itu, ayahnya memang sudah tinggalkan wang untuk perbelanjaan selama ketiadaan mereka dan semuanya sudah disiapkan. Duit yang diberi itu adalah untuk kegunaan peribadi Zamri bagi membeli apa saja yang dimahukannya. Zamri tahu ayah terlalu mengasihinya dan mahu Zamri ceria serta tidak terasa sunyi sepanjang ketiadaan mereka.

## **KHABAR DUKA DARI IBU**

Semasa berada di tanah suci keadaan ayah memang sentiasa sihat dan dapat menunaikan ibadat haji dengan sempurna. Zamri tidak sabar menanti kepulangan mereka yang hanya beberapa minggu saja lagi.

Lebih kurang seminggu sebelum balik ke Malaysia, ibu mengirimkan berita. Menurut ibu, ayah tidak berapa sihat kerana demam sedikit. Beberapa hari kemudian, ibu mengirim sekali berita yang mengatakan ayah sudah meninggal.

Ibu hanya menyebut ‘Perkuburan Ma’la’ di mana tempat arwah ayah disemadikan. Tidak boleh dibayangkan bagaimana rupa perkuburan itu. Apa yang ada di fikiran Zamri, ia sama seperti kawasan perkuburan di Temerloh, Pahang atau tempat-tempat lain di tanah air.

“Redha...” itu saja kata-kata yang boleh diucapkan walaupun dalam hati Zamri selalu berbisik, “cepatnya ayah pergi, belum puas hati ini merasa kasih sayangnya.” Allah lebih mengasihinya sebab itulah dia dijemput dahulu. Hanya doa yang mampu dipanjatkan.

Namun...suatu hari nanti, Zamri berazam akan ke sana juga untuk 'bertemu' dengan ayahnya. Bila akan tiba waktu itu hanya Allah sahaja yang mengetahui.

Tiba-tiba bahu Zamri ditepuk. "Jomlah, apa lagi tercegat di situ," Ustaz Nahrawi menyapa apabila melihat Zamri hanya berdiri termangu di pintu pagar.

Nah! Inilah tempatnya. Sampai juga impian Zamri untuk menziarahi kawasan perkuburan Ma'la. Pada mulanya Zamri memang hampir-hampir kecewa kerana Perkuburan Ma'la dikawal ketat dan tidak dibenarkan sesiapa melintasi kawasan pagar.

Setelah puas merayu daripada pengawal yang berada di hadapan pintu pagar, akhirnya Zamri dan Ustaz Nahrawi dibenarkan masuk. Memanglah kawasan Perkuburan Ma'la adalah kawasan larangan tidak ada sesiapa pun yang dibenarkan masuk kecuali atas izin pengawal pagar.

Tapi...di mana hendak dimulakan. Zamri termenung seketika. Namun beliau tetap bersyukur kerana dapat melihat tempat di mana ayahnya dikebumikan, walaupun perkuburan Ma'la tidak sama seperti kawasan perkuburan di tanah air di mana hampir setiap pusara ada batu nesannya.

Apa perlu dirisaukan berdoa di mana-mana pun sama, jika ikhlas dan benar-benar khushyuk akan sampai juga kepada roh ayahnya. Lantas Zamri melutut di satu sudut kawasan perkuburan itu sambil menadah tangan. Zamri berdoa agar roh ayahnya dicucuri rahmat serta ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman.

Setelah selesai bertahlil dan berdoa, kawasan perkuburan

itu ditinggalkan. Air mata yang tidak dapat dibendung lagi dibiarkan mengalir membasahi pipi. Ia bukan tanda kesedihannya kerana yang telah pergi tidak perlu ditangisi. Semuanya sudah diredhakan sejak lama dulu. Tapi, tangisan ini adalah tanda syukurnya yang tidak terhingga.


Jika tidak kerana perjalanan Kembara Umrah Bermotosikal yang disertainya, mungkin kaki ini belum dapat menjejaki tempat ayah disemadikan.

Semua itu terjadi ada kaitan dengan minatnya menunggang motosikal berkuasa tinggi. Ia telah membawa Zamri sampai ke bumi Mekah. Walaupun laluan sukar serta berliku tetapi sangat mengesankan.

Pengalaman beliau tidak mampu dibeli dengan wang ringgit. Setelah menempuhi pelbagai kesukaran akhirnya Zamri dan rakan-rakan berjaya. Mereka dicatatkan sebagai umat Islam pertama dunia yang menunggang motosikal untuk mengerjakan umrah.

Detik-detik perjalanan getir ini telah Zamri catatkan dalam diari hariannya. Beliau mahu berkongsi pengalamannya dengan seluruh umat Islam dunia atau mana-mana insan lain yang berminat mengetahui liku-liku pengembaraannya.

Melalui catatan diari peribadi Zamri ini telah terhasillah sebuah buku berjudul KEMBARA UMRAH – Catatan Perjalanan Umat Islam Pertama Dunia Bermotosikal Ke Mekah-King Rider Dato' Zamri Mohamed.



**Ayah Zamri Haji Mohamed bin Mat Amin meninggal dunia semasa menunaikan haji pada 11 Disember 1978 di usia 62 tahun. Ibu Zamri Hajjah Hindun Ngah meninggal dunia pada 8 September 1997 dan dikebumikan di Kampung Buntut Pulau, Temerloh, Pahang.**




**PERKUBURAN MA'LA... Di sinilah ayah Zamri (Haji Mohamed Mat Amin) dikebumikan . Kawasan ini terletak kira-kira satu kilometer dari Masjidil Haram, Mekah.**



**TERUBATLAH RINDU...setelah mengharungi perjalanan getir dalam Kembara Umrah akhirnya impian Zamri untuk menziarahi Perkuburan Ma'la tercapai.**



**TINGGAL KENANGAN... foto terakhir bersama keluarga sebelum ayah dan ibu Zamri berlepas ke tanah suci Mekah dengan penerbangan pertama pada tahun 1978.**



## BAB 1

# ‘KAD JEMPUTAN’ ALLAH

Firman Allah:

*“Sesungguhnya rumah yang mula pertama didirikan bagi manusia – untuk menyembah Allah – ialah yang terdapat di Bakkah (Mekah) diberkati dan jadi pedoman bagi seluruh alam. Di sana terdapat petanda-petanda nyata di antaranya ialah tempat Ibrahim berdiri beribadat. Siapa yang memasukinya akan beroleh keamanan. Dan menjadi kewajipanlah bagi manusia terhadap Allah buat mengunjunginya rumah itu, yakni siapa yang mampu di antara mereka. Dan siapa yang ingkar, maka Allah tidak memerlukan siapa pun dari penduduk alam ”.*

**Surah Al-Imran: 96-97**

Kira-kira lapan bulan lalu (sebelum 14 Mei 2010 )

Umrah? Ya, hasrat itu memang sudah lama terpendam dalam jiwa Zamri namun sering sahaja tertunda lantaran tidak punya waktu yang sesuai.

Setiap kali Zamri merancang untuk mengerjakan umrah sering tidak kesampaian. Ada sahaja halangannya. Entah kenapa Zamri pun tidak ada jawapan yang pasti. Macam tidak sampai 'seru' bak kata orang-orang dahulu.

Sejak akhir-akhir ini perasaan Zamri sentiasa diburu resah. Sese kali perasaan aneh menyentap tangkai jantungnya. Debaran berbaur kerinduan, seolah-olah bagai ada sesuatu yang hilang dalam dirinya.

Setiap kali merenung motosikal yang diletakkan kemas dalam garaj hadapan rumahnya, hati Zamri berdetik. Ke manakah lagi haluan yang mahu dijelajahi. London, Paris, Amerika atau mana-mana Benua Eropah yang lain? Zamri masih mencongak-congak. Sese kali Zamri mengusap motosikal yang diibaratkan telah menjadi teman setianya sejak bertahun lalu.

Sudah banyak negara yang dijelajahi oleh Zamri menggunakan motosikal. Perbagai jenis dan jenama motosikal dicubanya. Tetapi 'satu tempat' itu yang belum Zamri sampai iaitu Tanah Suci Mekah.

Ya, itulah yang sangat teringin dilakukan oleh Zamri. Mengembara menunggang motosikal hingga ke Kota Mekah untuk menunaikan umrah. Aduhai...meremang bulu roma Zamri. Rasa teruja dan gembira yang tidak terucap dengan bicara .

Adakah hasrat itu mustahil untuk dilaksanakan? Sering Zamri berbalah dengan dirinya. Semakin hari impian tersebut tidak dapat dipendam lagi. Zamri sudah berazam. Sebelum meneruskan hobinya bermotosikal ke negara-negara asing, hasrat yang satu ini wajib ditunaikan dahulu.

## LAMBAIAN KAABAH

Lambaian Kaabah bermain di mata. Dalam mimpi dan dalam realiti Mekah sentiasa di hati dan menari-nari di ruang mata. Sudah meresap ke sanubarinya.

Zamri bagai terasa telah menerima KAD JEMPUTAN ALLAH untuk menjadi tetamuNya.

Allah hu Akhbar! Allah hu Akbar...!Apa lagi yang mahu ditunggu dan difikirkan. Masakan sanggup beliau tidak membalas lambaian murni itu sedang hati sudah meronta-ronta untuk menjejakkan kaki ke Tanah Suci. Jiwa dan bibir tidak berhenti menyebut nama Allah. Rindunya pada Allah sudah tidak tertanggung lagi.

Teringat Zamri Firman Allah Ta' ala yang bermaksud:-  
*“Allah telah menjadikan Kaabah, rumah yang mulia itu sebagai tumpuan bagi manusia (untuk menjalankan ibadat dan hal-hal hidup)”* (Al-Maa'idah:97)

Patutlah selama ini walaupun beliau sudah menjelajah rumah-rumah Allah di pelbagai pelusuk dunia, namun masih bagai terasa sesuatu yang belum sempurna.

Rupanya hati Zamri meruntun rindu untuk bermunajat di Masjidil Haram iaitu rumah Allah yang paling diidamkan oleh umat Islam yang tunduk kepadaNya.

Zamri juga mengimpikan untuk bersolat di Masjidil Nabawi, menziarahi makam Rasulullah s.a.w. serta tempat-tempat bersejarah sekitar Kota Mekah dan Madinah.

Telah banyak negara yang dijelajahi termasuk seluruh kepulauan Borneo, Indonesia, Australia, New Zeland, sebahagian negara China, namun tidak sama dengan perjalanan kali ini.

## **NYAWA IBARAT 'TELUR DI HUJUNG TANDUK'**

Musafir kali ini amat bermakna. Persediaan untuk menghadapi perjalanan kali ini telah dilakukan sejak lima bulan lalu termasuk mempelajari rukun-rukun ibadat umrah serta memantapkan solat-solat wajib dan sunat.

Banyak yang perlu diperelajari sebelum menjadi tetamu Allah. Destinasi Zamri kali ini menuntut banyak pengorbanan terutamanya dari segi masa, wang ringgit, aset dan sudah pasti nyawanya sendiri.

Zamri sedar menunggang motosikal dalam perjalanan yang jauh serta berliku, nyawa ibarat 'telur di hujung tanduk'. Dirinya sudah pasti terdedah dengan kemalangan, jenayah atau apa sahaja yang membahayakan keselamatan penunggang tambahan pula di benua asing baginya.

Sebahagian duit simpanannya digunakan untuk membeli motosikal baru kerana motosikal yang sedia ada tidak lagi sesuai untuk menempuh perjalanan mencabar. Sudah agak uzur untuk mengharungi gurun pasir, batu-batu kerikil dan salji tebal.

Untuk kembara kali ini Zamri membeli motosikal jenis Kawasaki Versys 650 dengan harga RM53,000. Terpaksa dikorbankan simpanan daripada akaun Tabung Hajinya. 'Insy Allah tidak rugi rasanya kalau ada rezeki Allah pasti tambah lagi,' hati Zamri berbisik.

Selama tempoh itu juga Zamri perlu membiasakan diri dengan 'kuda besi' barunya ini bagi mengenali kelebihan serta keupayaan kenderaan itu.

## **ANTARA TEMAN DAN ISTERI**

Setiap saat yang berlalu terasa debaran Zamri semakin hebat. Seseekali ingin beliau kongsi keresahan jiwa dengan teman-teman dan isteri. Malangnya, apabila hasrat itu diceritakan kepada kawan-kawan untuk menunaikan umrah dengan menunggang motosikal, ada yang memberi reaksi negatif.

Tersentak juga Zamri sebab ada teman-teman dengan spontan 'menganggap kerja gila'. 'Buat apa cari pasal' atau itu namanya 'jalan-jalan cari pasal'. Belum pernah dibuat oleh orang lain hendak ke Mekah naik motosikal. Kalau mahu ke Mekah boleh guna banyak perkhidmatan kapal terbang. Kalau tidak berkenan naik Malaysian Airline System (MAS), guna sahaja Penerbangan Saudi Arabia atau Emirates atau apa sahaja yang sesuai. Tunggang motosikal bila hendak sampai? tanya mereka.

Aduh! Jadi berserabut pula fikiran Zamri bila cuba berkongsi impiannya dengan orang-orang yang tidak memahami minat beliau itu.



# KEMBARA UMRAH BERMOTOSIKAL

Buku ini adalah imbasan kembali catatan peribadi perjalanan Dato' Zamri Mohamed yang bermotosikal untuk menunaikan umrah bermula pada 14 Mei 2010. Turut bersama Dato' Zamri adalah teman-temannya termasuk Ustaz Nahrawi Marzoki, Senator YB Mohd Khalid Ahmad, Zamran Ibrahim (warga Singapura) Dr. Fahmi, Arshad dan Jihad.

Pengembaraan selama 54 hari ini merentasi 12 negara dengan jarak perjalanan sejauh hampir 18 ribu kilometer. Sepanjang tempoh musafir itu, sejumlah 12 negara telah dijelajahi oleh mereka bermula dari Malaysia, Thailand, Laos, China, Kyrgyzstan, Uzbekistan, Turkmenistan, Iran, Turki, Syria, Jordan dan Arab Saudi.

Pengembaraan bersejarah ini cukup mendebarkan serta menyentuh jiwa. 'Nyawa ibarat telur di hujung tanduk' apabila melalui negara-negara yang bergelora, mengharung salji tebal yang hampir mencecah paras beku dan Gurun Ghobi yang berliku. Pelbagai etnik dan gaya hidup masyarakat dunia ditemui dalam kembara ini selain berpeluang menziarahi lebih 40 masjid sambil bersolat berjemaah bersama penduduk tempatan.

Kembara Umrah ini telah mengangkat nama Malaysia ke persada antarabangsa khususnya memartabatkan lagi imej umat Islam dunia. Dengan gaya bahasa santai, ringkas serta padat catatan dari dairi peribadi Dato' Zamri telah berjaya dijadikan sebagai sebuah buku khazanah ilmu yang amat berguna untuk panduan masyarakat khasnya generasi muda yang minat mengembara. Buku yang wajar dimilik oleh setiap insan yang cintakan kejayaan, rindukan kecemerlangan serta kasih sayang Allah dunia akhirat.

Harga: RM39.00 (Semenanjung Malaysia)

Harga: RM50.00 (Sabah/Sarawak)



**Kawasaki**

Warisan Global



A & D NETWORK

